

29 MAY 2003

I

MENTERI PERTAHANAN PERANCIS KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Mei (Bernama) -- Menteri Pertahanan Perancis Michele Alliot-Marie mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Pertemuan selama sejam itu berlangsung sejurus selepas ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini.

Butir-butir perbincangan mereka belum diketahui setakat ini.

Selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir, Menteri Pertahanan Perancis itu menuju ke Kementerian Pertahanan di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur untuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr Mahathir dijadual menghadiri sesi dialog tidak rasmi Sidang Kemuncak G8 bersama negara buana anggota yang akan berlangsung di Evian, Perancis beberapa hari lagi.

Malaysia dan Perancis adalah antara negara yang menentang pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Menteri Pertahanan Perancis itu dijangka berlepas ke Singapura, esok.

-- BERNAMA

MAM SP RON